

Headline	Kuantan sifar HIV menjelang 2016		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	30 Oct 2015	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	20,000
Page No	37	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	103 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 349
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,047



Kuantan sifar HIV menjelang 2016

KUANTAN - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) percaya pelaksanaan program Bandar Kuantan Menuju Sifar HIV akan menjadi kenyataan hasil daripada komitmen kepimpinan kerajaan negeri dan badan bukan kerajaan (NGO).

Yang Dipertua MPK, Datuk Zulkifli Yaacob berkata, dalam mencapai matlamat tersebut, pihaknya memberikan penekanan kepada sasaran tiga sifar yang dilihat mampu merealisasikan program itu.

“Tiga sifar yang MPK sasarkan adalah untuk memastikan tiada jangkitan HIV baharu, diskriminasi dan kematian berkaitan AIDS menjelang 2016.

“Misi utama ialah memperkukuhkan pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan melalui kerjasama agensi kerajaan dan NGO di

negeri ini,” katanya pada program taklimat pematuhan syarat lesen premis berisiko ke arah Bandar Kuantan Menuju Sifar HIV di Wisma Belia Bandar Indera Mahkota.

Bagaimanapun Teks ucapan tersebut dibacakan Pemangku Setiausaha MPK, Hamiza Hamzah dan lebih 100 pemilik premis perniagaan termasuk rumah urut dan hiburan hadir mendengar taklimat berkenaan.

Dalam teks ucapan tersebut, Zulkifli berkata, pihaknya akan memantau dan melakukan operasi bersama agensi penguatkuasaan bagi memastikan pengusaha premis perniagaan mematuhi syarat lesen premis yang berisiko.

“Bagi pemilik premis yang ingkar dan masih berdegil, tindakan penguatkuasaan seperti notis, kompaun, rampasan, pembatalan lesen akan dilakukan,” katanya.